

# Kabinet arah Peguam Negara Kaji semula implikasi tol

Oleh ZAMZAM OMAR

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kabinet hari ini mengarahkan Pejabat Peguam Negara mengkaji semula implikasi mengenakan pembayaran tol ke atas pengguna lebuhraya di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kajian itu bagaimanapun, tidak bermakna kerajaan akan menghapuskan tol.

"Saya tidak nampak mengapa tol harus dihapuskan, termasuk tol di Cheras, kecuali ada pihak yang mahu membayarnya, mungkin boleh (dibina lebuhraya).

"Walaupun lebuhraya dalam kawasan bandaraya, tol tetap dikenakan. Saya tidak nampak mengapa orang lain boleh bayar dan orang yang tinggal dalam bandaraya tidak boleh bayar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di Stesen Tertera Udara Diraja Malaysia, Sungai Besi di sini sebelum berlepas untuk lawatan ke Sabah dan Sarawak, petang ini.

Mengenai rungutan orang ramai bahawa mereka membayar tol tetapi Jalan Cheras terus mengalami kesesakan lalu lintas, Perdana Menteri berkata: "Jika kerajaan tidak membina jalan baru, keadaan lebih buruk."

Kabinet dalam mesyuaratnya hari ini membincangkan soal kutipan tol berikutan penyerahan memorandum keputusan kaji selidik secara ram-bang di kalangan orang ramai mengenai kutipan semula bayaran tol di Jalan Cheras.

Pengerusi Jawatankuasa Pengecualian Tol Cheras, Encik Khor Joo Hoo, semalam menyerahkan keputusan kaji selidik itu kepada Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Ismail.

Penasihat jawatankuasa itu, Encik Tan Kok Wai, yang juga Ahli Parlimen Sungai Besi, berkata keputusan kaji selidik itu menunjukkan sebahagian besar responden tidak

bersetuju bayaran tol dikenakan semula di Cheras.

Jawatankuasa itu mengedarkan 20,000 borang kaji selidik kepada penduduk Cheras mulai 19 Ogos sehingga 6 September lalu dengan hanya 7,421 borang dikembalikan.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan kutipan tol di Jalan Cheras mulai 15 September ini dengan pengurangan kadar di antara 50 dan 75 peratus, iaitu setelah dihentikan tahun lalu.

Kutipan tol yang dihentikan sejak 12 September 1990 akan diperkenalkan semula dengan kadar yang kurang selepas rundingan di antara kerajaan dan syarikat konsesi baru, Metramac Corporation Sdn Bhd.

Mengikut kadar baru itu:

- Penunggang motosikal dan penunggang cacat bermotosikal roda tiga dibenarkan melalui Plaza Tol Cheras secara percuma;
- Bagi kenderaan beroda empat selain teksi dikenakan 50 sen;
- Kenderaan beroda enam selain bas dikenakan \$1;
- Teksi dikenakan 30 sen dan 50 sen bagi bas di samping 'pas bas bermusim' berharga \$90 kepada pengguna yang melalui Plaza Tol Cheras 'pulang balik lebih daripada tiga kali.'